

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI (ACIS)  
UITM CAWANGAN PULAU PINANG (UITMCPP)

# E-BULETIN ACIS UITMCPP



LAPORAN | AKADEMIK | AKTIVITI | WAKAF ILMU

Edisi E-Buletin 2024 ACIS UiTMCPP kali ini memfokuskan kepada empat tema utama iaitu pencapaian kualiti yang telah dicapai, aktiviti kolaboratif akademik bersama pihak luar UiTMCPP, aktiviti yang telah dijalankan pada tahun 2023 dan penulisan wakaf ilmu daripada kalangan asatizah ACIS UiTMCPP.




EDISI  
2024



# **WAKAF ILMU**

# UJI MINDA KITA: SIRAH SAHABAT TERDAHULU DALAM ISLAM



Penulis: Ustaz Adlan Saidin  
Pensyarah Kanan ACIS UiTMCPP

**“ 10 Soalan Sirah  
Sahabat Terdahulu  
dalam Islam ”**

## SOALAN 1

Apabila turunnya ayat 2 surah al-Hujurat yang bermaksud ; "Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu meninggikan suara kamu lebih daripada suara Nabi...". Seorang sahabat merasa sedih kerana menganggap suaranya yang kuat ketika berbicara dengan Nabi SAW boleh menyebabkan dirinya termasuk dalam golongan orang yang dilaknat di dalam ayat tersebut. Nabi Muhammad SAW meyakinkan beliau bahawa beliau tidak tergolong dalam golongan yang celaka malah dia akan masuk syurga. Beliau telah gugur syahid di dalam Peperangan Yamamah yang berlaku ketika pemerintahan Khalifah Abu Bakar al-Siddiq ketika menentang Musailimah al-Kazzab. Siapakah sahabat yang dimaksudkan?

- Thabit bin Qais
- Zaid bin Thabit
- Irbadh bin Sariyyah

## SOALAN 2

Sahabat-sahabat Nabi kebiasaannya bertanya Nabi tentang perkara-perkara kebaikan melainkan seorang sahabat yang selalu bertanya Nabi tentang kejahatan dan keburukan bimbang ia berlaku terhadap dirinya. Kata-kata beliau yang masyhur adalah "Tidak dianggap baik sesiapa yang meninggalkan dunianya untuk akhirat atau meninggalkan akhirat untuk dunia tetapi kebaikan itu ialah orang yang memanfaatkan kedua-duanya". Beliau diberi kepercayaan oleh Nabi untuk memegang rahsia. Siapakah yang dimaksudkan?

- Abdul Rahman bin 'Auf
- Saad bin Mu'az
- Huzaifah bin al-Yaman

## SOALAN 3

Beliau adalah salah seorang isteri Rasulullah SAW dan termasuk dalam kalangan Ummahatul Mukminin. Beliau pernah diceraikan baginda tetapi telah dirujuk semula. Peristiwa ini menyebabkan turunnya ayat di dalam surah al-Talaq ayat 1 yang bermaksud;

Wahai Nabi! Apabila kamu - (engkau dan umatmu) - hendak menceraikan isteri-isteri (kamu), maka ceraikanlah mereka pada masa mereka dapat memulakan idahnya, dan hitunglah masa idah itu (dengan betul), serta bertaqwalah kepada Allah SWT, Tuhan kamu. Janganlah kamu mengeluarkan mereka dari rumah-rumah kediamannya (sehingga selesai idahnya), dan janganlah pula (dibenarkan) mereka keluar (dari situ), kecuali (jika) mereka melakukan perbuatan keji yang nyata..".

- Saudah binti Zam'ah
- Hafsa binti Umar
- Aisyah binti Abu Bakar

## SOALAN 4

Di dalam riwayat Imam al-Bukhari, Rasulullah telah menyebut bahawa sahabat ini adalah hawariy (pembela) baginda dan tergolong antara 10 sahabat yang dijamin syurga. Beliau memeluk Islam ketika berusia belasan tahun.

# Q

# A

Beliau merupakan sepupu Rasulullah SAW serta menantu kepada Abu Bakar al-Siddiq. Beliau meninggal dunia selepas menarik diri dari Peperangan Jamal, dibunuh oleh seorang lelaki yang bernama 'Amru ibn al-Jamuh.

- a) Zaid bin Harithah
- b) Zubair bin al-'Awwam
- c) Saad bin Abi Waqqas

### SOALAN 5

Beliau adalah antara sahabat yang paling banyak diseksa oleh kaum Quraisy kerana keimanannya kepada Islam. Beliau adalah seorang hamba yang bekerja sebagai tukang besi, dan majikannya adalah seorang wanita Quraisy yang sangat kejam terhadapnya setelah mengetahui beliau memeluk Islam. Salah satu bentuk penyeksaan yang beliau alami adalah dipaksa berbaring di atas bara api yang membakar belakangnya sehingga lemak tubuhnya memadamkan api. Beliau pernah mengadu kepada Rasulullah SAW tentang penderitaannya. Baginda berkata kepadanya dan kepada sahabat-sahabat lain yang turut mengalami kesusahan:

"Sesungguhnya orang-orang sebelum kalian (umat terdahulu) ada yang disisir dengan sikat besi hingga mengenai daging dan tulang mereka, tetapi mereka tidak berpaling dari agamanya. Ada juga yang tubuhnya dibelah dengan gergaji dari kepala hingga kedua kakinya, tetapi mereka tetap teguh dalam agamanya. Demi Allah, sesungguhnya Allah akan menyempurnakan urusan ini (Islam) sehingga seorang yang menunggang kenderaan dari San'a' ke Hadramaut tidak akan merasa takut kecuali kepada Allah, dan tidak bimbang terhadap serigala yang mengancam ternaknya" (Riwayat al-Bukhari).

- a) Suhaib al-Rumi
- b) Bilal bin Rabah
- c) Khabbab bin al-Arat

### SOALAN 6

Beliau berasal dari keluarga yang kaya raya. Selepas memeluk Islam, beliau telah meninggalkan segala kemewahan hidup dan mengabdikan diri sepenuhnya untuk dakwah Islam.

Beliau terlibat dalam perang Uhud dan gugur syahid dengan kedua-dua belah tangannya terputus kerana mempertahankan panji-panji Islam. Ketika Nabi Muhammad SAW melihat jenazah beliau selepas perang Uhud, baginda menangis dan berkata:"dahulu aku tidak melihat di Mekah seorang pun yang lebih halus pakaianya daripada engkau. Tetapi hari ini engkau dalam keadaan yang serba kekurangan". Beliau pada waktu itu hanya memiliki sehelai kain kasar untuk menutupi tubuhnya. Jika kain itu menutupi kepalanya, kakinya terbuka, jika ditarik untuk menutupi kakinya, kepalanya akan terbuka. Melihat keadaan ini, Rasulullah memerintahkan supaya ditutup kepalanya dengan kain dan kakinya ditutup dengan daun izkhir.

- a) Said bin Zaid
- b) Mus'ab bin 'Umair
- c) 'Ammar bin Yasir

### SOALAN 7

Beliau adalah sahabat dari golongan Ansar daripada kaum Khazraj. Terlibat dalam Perjanjian 'Aqabah dan turut serta dalam peperangan Badar dan beberapa peperangan lain



Rasulullah SAW pernah bersabda kepada beliau: "Wahai Abu al-Munzir, tahukah kamu apakah ayat yang paling agung dari Kitabullah yang ada bersamamu?", Beliau menjawab: "Allah dan RasulNya lebih mengetahui", lalu baginda bersabda: "Allah, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang Maha Hidup lagi Maha Menguruskan makhluKNya." (Ayat al-Kursi).

Kemudian Rasulullah SAW menepuk dada beliau seraya bersabda: "Bergembiralah dengan ilmu yang kamu miliki, wahai Abu al-Munzir."

- a) Abu Bakar al-Siddiq
- b) Saad bin 'Ubadah
- c) Ubay bin Ka'ab

#### **SOALAN 8**

Rasulullah telah menyebut tentang sahabat ini di dalam sabda baginda yang bermaksud: "Barang siapa yang ingin melihat seseorang yang syahid dan masih berjalan di muka bumi, lihatlah lelaki ini". Ungkapan ini disebut oleh baginda selepas membaca ayat 23 di dalam surah al-Ahzab yang bermaksud:

Di antara orang-orang yang beriman itu, ada yang bersikap benar menunaikan apa yang telah dijanjikannya kepada Allah (untuk berjuang membela Islam); maka di antara mereka ada yang telah selesai menjalankan janjinya itu (lalu gugur syahid), dan di antaranya ada yang menunggu giliran; dan mereka pula tidak mengubah (apa yang mereka janjikan itu) sedikitpun".

- a) Zaid bin al-Khattab
- b) Talhah bin 'Ubaidillah
- c) Anas bin al-Nadr

#### **SOALAN 9**

Beliau berketurunan Aus dari kaum Ansar. Sejak mendengar sabda Rasulullah SAW yang bermaksud; "Wahai sekalian Ansar, kamu adalah syiar dan manusia adalah pakaian", beliau bertekad menyerahkan seluruh jiwa raganya untuk perjuangan Islam. Sayyidah Aisyah RA menganggap beliau sebagai salah seorang dari tiga orang Ansar yang mempunyai kelebihan yang tidak dapat ditandingi sesiapa pun. Beliau terlibat memerangi golongan murtad dalam peperangan Yamamah di zaman Khalifah Abu Bakar.

Kata-kata beliau di dalam peperangan tersebut : "Wahai sekalian Ansar, hancurkan sarung pedangmu, bezakan dirimu di antara manusia". Beliau syahid di dalam peperangan tersebut.

- d) Usaid bin Khudair
- a) 'Abbad bin Bishr
- b) Al-Barra' bin Malik

#### **SOALAN 10**

Beliau adalah penyair Rasulullah SAW dari kalangan Ansar yang terlibat dalam Perjanjian 'Aqabah pertama dan kedua. Beliau memeluk Islam pada usia 60 tahun dan meninggal ketika berusia 120 tahun. Rasulullah SAW mengakui perjuangan beliau dan mengakui bahawa syair-syairnya ampuh dan padu dalam melumpuhkan propaganda jahat yang dibuat oleh musuh-musuh Islam. Syair-syairnya seperti anak panah yang meluncur menikam dada para pendusta kebenaran dan mereka yang menghina Rasulullah SAW. Bahkan menurut baginda, Jibril AS juga turut menyukai syair-syair beliau.

- a) Tufail bin Amru
- b) Hassan bin Thabit
- c) Abdullah bin Rawahah





جامعة تكنولوجى مارا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Akademi  
Pengajian Islam  
Kontemporari

## PENERBIT

### Unit Penerbitan

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI (ACIS)  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM)  
CAWANGAN PULAU PINANG  
KAMPUS PERMATANG PAUH  
13500 PERMATANG PAUH  
PULAU PINANG**



[https://penang.uitm.edu.my/index.php/en/component/sppagebuilder  
?view=page&id=95](https://penang.uitm.edu.my/index.php/en/component/sppagebuilder?view=page&id=95)



<https://www.facebook.com/acisuitmpenang?mibextid=LQQJ4d>



shahirah4572@uitm.edu.my / najwaalyaa@uitm.edu.my (eds)



+6 (04) 382 2888

eISSN 3030-6655



Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar, serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang terlebih dahulu.